

## Pengeksplisitan Makna dalam Penterjemahan Buku '*Rihlah Ibn Battutah*' ke dalam Bahasa Melayu

SYED NURULAKLA SYED ABDULLAH<sup>1</sup>

MOHD ZAKI ABD RAHMAN<sup>2</sup>

NIK FARHAN MUSTAPHA<sup>3</sup>

### ABSTRAK

Dalam penterjemahan, ujaran yang disampaikan dalam bentuk makna implisit dalam bahasa Arab tidak semestinya sesuai untuk dikekalkan bentuknya dalam bahasa Melayu. Hal ini menyebabkan wujudnya fenomena keterbalikan, iaitu bentuk makna yang implisit diterjemahkan menjadi bentuk makna yang eksplisit. Kajian ini bertujuan mengenal pasti bentuk makna implisit dalam buku '*Rihlah Ibn Battutah*' serta meninjau pengaruh budaya dalam terjemahan ini dan strategi yang digunakan oleh penterjemah untuk menangani kesukaran penterjemahan bentuk makna implisit tersebut. Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang melibatkan reka bentuk kajian kes dan analisis tekstual berlandaskan pendekatan pengeksplisitan (*explicitation*) yang dikemukakan oleh Klaudy dan Károly (2005) dan Pym (2005). Penganalisan data pula dilaksanakan dengan menggunakan perisian ATLAS.ti. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pengeksplisitan bukan sahaja didorong oleh faktor budaya malah juga dipengaruhi dengan ketara oleh faktor-faktor lain mencakup agama, retorik Arab (*Balāghah*), lexis-tatabahasa, pragmatik, penghindaran risiko dan nilai kesantunan bahasa sasaran. Kajian ini dijangka mencetuskan minat dan fokus yang lebih mendalam terhadap strategi pengeksplisitan dalam disiplin penterjemahan.

Kata kunci: penterjemahan, makna implisit, pengeksplisitan

### ABSTRACT

In translation, the utterances delivered in the form of implicit meaning in Arabic is not necessarily appropriate to retain that form in Malay. This results in a reversal, with the form of the implicit meaning being translated into the explicit meaning form. This study aims to identify the forms of implicit meaning in the book '*Rihlah Ibn Battuta*' and to explore the influence of culture on this translation and the strategies used by the translator to deal with the difficulties of translating the implicit meaning. This study is a qualitative study using case study and textual analysis methods based on the approach proposed by Klaudy and Károly (2005), and Pym (2005). The data analysis was carried out using ATLAS.ti software. The

---

<sup>1</sup> Syed Nurulakla Syed Abdullah, PhD Universiti Malaya, Pensyarah Kanan, Jabatan Bahasa Asing, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia, syedakla@upm.edu.my

<sup>2</sup> Mohd Zaki Abd Rahman, PhD Universiti Malaya, Pensyarah Kanan, Jabatan Bahasa Arab dan Bahasa-Bahasa Timur Tengah, Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya, mzakirah@um.edu.my

<sup>3</sup> Nik Farhan Mustapha, PhD Universiti Islam Antarabangsa, Pensyarah Kanan, Jabatan Bahasa Asing, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia, farhan@upm.edu.my

results of this study not only show that explication in translation is driven by cultural factors in general but also that it is significantly influenced by religious factors, Arabic Rhetorical Sciences (*Balaghah*), lexicogrammatical and pragmatic factors, communicative preferences and the politeness of the target language as well as the communication strategies of the dialogue itself. This study will hopefully spark interest and a deeper focus on explication strategy in the field of translation.

Keywords: translation, implicit meaning, explication

## **Pengenalan**

### **Definisi Operasi**

Terjemahan merupakan jambatan yang menghubungkan antara pelbagai bangsa di dunia yang berbeza dari segi bahasa dan budaya. Sarjana telah memberikan pelbagai definisi kepada terjemahan namun secara ringkasnya definisi yang diberikan oleh Hatim dan Munday (2004) yang berikut memadai untuk memberikan gambaran yang agak menyeluruh tentang aspek yang dicakup oleh definisi terjemahan:

1. Proses pemindahan teks bertulis daripada bahasa sumber kepada bahasa sasaran, yang dilaksanakan oleh seorang penterjemah, atau beberapa penterjemah, dalam konteks sosiobudaya yang tertentu.
2. Hasil bertulis, atau teks sasaran, yang terhasil daripada proses tersebut dan berfungsi dalam konteks sosiobudaya bahasa sasaran.
3. Fenomena bersifat kognitif, linguistik, visual, budaya dan ideologi yang merupakan bahagian penting kepada 1 dan 2.

(Hatim dan Munday, 2004:6)

Menerusi definisi yang diberikan oleh Hatim dan Munday (2004) itu, dapat difahami bahawa terdapat tiga bidang utama yang dicakup oleh definisi terjemahan. Pertama, terjemahan merujuk proses pemindahan teks bertulis daripada bahasa sumber kepada bahasa sasaran, yang dikendalikan oleh seorang penterjemah, atau beberapa orang penterjemah, dalam konteks sosiobudaya yang tertentu. Kedua, terjemahan merujuk produk bertulis, ataupun teks sasaran, yang terhasil daripada proses dan berfungsi dalam konteks sosiobudaya bahasa sasaran. Ketiga, terjemahan merujuk fenomena kognitif, linguistik, visual, budaya dan ideologi yang merupakan bahagian yang penting bagi aspek yang pertama dan kedua. Dalam konteks kajian penterjemahan, Munday (2009) menyatakan bahawa aspek ketiga dalam definisi di atas yang telah banyak menarik perhatian dalam kajian penterjemahan pada hari

ini. Kajian yang dikemukakan pengkaji ini juga tidak terkecuali, terutamanya tumpuan terhadap aspek budaya dan perkaitannya dengan pengeksplisitan bentuk makna implisit dalam penterjemahan buku '*Rihlah Ibn Battutah*'.

Dalam terjemahan buku '*Rihlah Ibn Battutah*' ke bahasa Melayu yang berjudul '*Pengembaraan Ibn Battutah: pengembara agung, karya terulung, menyingkap wajah dunia*', terdapat makna implisit dalam teks sumber yang diterjemahkan menjadi makna eksplisit dalam teks sasaran. Maklumat yang implisit merupakan maklumat yang tidak mempunyai bentuk tetapi merupakan bahagian daripada komunikasi keseluruhan yang ingin disampaikan oleh penutur atau penulis (Larson, 1984:38). Menurut Larson, sesetengah maklumat sengaja dibiarkan implisit disebabkan oleh struktur bahasa sumber, maklumat yang dikongsi bersama dalam situasi komunikasi, ataupun maklumat itu telah dicakup di tempat lain dalam teks atau ujaran (Larson, 1984:84). Justeru, makna implisit dalam sesebuah teks tertentu berkemungkinan menampilkan cabaran yang sukar dalam proses penterjemahan memandangkan bentuk makna implisit ini bukan sesuatu yang dapat dilihat dengan ketara.

Menurut Elam M. (2002), dalam proses memahami makna implisit ini, penterjemah perlu berusaha dengan gigih untuk mendapatkan tafsiran yang tepat melalui proses pentafsiran dan pembayangan. Penterjemah perlu mengetahui hal tertentu yang menjadi acuan, situasi dan konteks. Pengetahuan mengenai konteks akan banyak membantu penterjemah mendapatkan tafsiran makna yang tepat. Elam M. (2002) turut memetik pandangan Aminudin (1985) yang menyatakan wujudnya ungkapan '*reading the lines*', iaitu membaca untuk memahami makna yang tersurat dan ungkapan '*reading between the lines*', iaitu membaca untuk memahami makna yang terisrat atau yang implisit. Proses pembacaan seperti ini membolehkan pembezaan dilakukan antara makna yang eksplisit dengan makna yang implisit.

Al-Zughoul (2014) pula menjelaskan bahawa makna implisit boleh menjadi tugas yang sukar dan mencabar dalam proses penterjemahan memandangkan makna implisit tidak dapat dilihat dengan ketara. Oleh itu, makna implisit perlu ditangani dengan sewajarnya kerana ia mempunyai makna tersirat yang mungkin tidak diketahui oleh pembaca. Untuk menjadikannya jelas, makna tersebut perlu dizahirkan oleh penterjemah. Inilah tugas yang dipikul oleh penterjemah sebagaimana yang dinyatakan oleh Larson (1984:38), "maklumat yang implisit merupakan sebahagian daripada makna yang perlu disampaikan oleh terjemahan, kerana ia merupakan sebahagian daripada makna yang dihasratkan untuk difahami oleh penulis teks asal."

## **Latar Belakang Kajian**

### **Konsep Pengeksplisitan dan Tinjauan Persuratan Berkaitan**

Secara asasnya, konsep ini mula diperkenalkan oleh Vinay dan Dalbernet pada tahun 1958 sebagai sebahagian daripada prosedur terjemahan yang dibahagikan mereka berdua kepada prosedur terjemahan langsung dan terjemahan tidak langsung. Konsep ini menerima rangsangan yang diperlukan apabila pada tahun 1964, Nida mengembangkan idea pengeksplisitan ini menerusi istilah-istilah yang mencakup penambahan (*additions*), pengurangan (*subtractions*) dan penyelangan (*alternations*). Beberapa teknik pengeksplisitan telah turut diperkenalkan oleh Nida (1964).

Walau bagaimanapun, hipotesis pengeksplisitan Blum-Kulka (1986) yang mengandaikan bahawa proses penterjemahan akan menghasilkan teks sasaran yang mempunyai tahap kelewahan (*redundancy*) yang lebih berbanding dengan teks sumber dianggap sebagai kajian sistematik yang pertama mengenai pengeksplisitan. Namun, pandangan Blum-Kulka yang melihat pengeksplisitan dengan maksud kelewahan disanggah oleh sarjana lain seperti Séguinot (1988) yang berhujah bahawa istilah ‘pengeksplisitan’ perlu dikhususkan untuk pertambahan yang tidak dapat dijelaskan oleh perbezaan struktur, gaya bahasa atau retorik antara dua bahasa, dan pertambahan bukanlah satu-satunya alat pengeksplisitan. Klaudy dan Károly (2005) pula merumuskan beberapa ciri utama yang menunjukkan berlakunya pengeksplisitan dalam penterjemahan.

Konsep yang bermula sebagai prosedur tambahan terjemahan yang mengupas pengeksplisitan makna implisit dalam terjemahan disebabkan oleh pelbagai dorongan bahasa dan budaya telah berkembang pada hari ini hingga mencetuskan pelbagai hipotesis, strategi dan teknik. Konsep ini akhirnya mendorong sarjana terjemahan seperti Pym (2005) untuk melihat pengeksplisitan sebagai wahana pengurusan risiko dalam konteks penterjemahan sebagaimana dalam bidang pengurusan.

Klaudy dan Károly (2005:15) memberikan beberapa contoh operasi pemindahan standard melibatkan pengeksplisitan termasuk tentuan leksikal (*lexical specification*), pembahagian leksikal, penambahan leksikal, tentuan tatabahasa (*grammatical specification*), peningkatan tatabahasa (*grammatical elevation (rising)*) dan penambahan tatabahasa. Manakala operasi pemindahan standard melibatkan pengimplisitan termasuklah generalisasi leksikal, pemendekan leksikal (*lexical contraction*), pengurangan leksikal (*lexical omission*), generalisasi tatabahasa, penurunan taraf dan pemendekan tatabahasa (*grammatical lowering (downgrading) and contraction*) dan pengurangan tatabahasa. Klaudy dan Károly (2005:15)

menegaskan bahasa pengeksplicitan dan pengimplisitan merupakan hasil strategi penterjemahan yang diterapkan oleh penterjemah.

Tinjauan terhadap kajian yang dilakukan dalam domain analisis makna implisit dalam penterjemahan serta pendekatan pengeksplicitan dalam penterjemahan membuktikan bahawa kajian ini adalah meluas dan mendapat perhatian banyak sarjana. Bidang ini menyaksikan sarjana Arab tidak ketinggalan menampilkan kajian yang mantap berkaitan dengan pengeksplicitan. Antara lain, Waleed Othman (2006) memfokuskan teknik pengeksplicitan dalam terjemahan Arab-Inggeris. Sementara Ashraf A. (2010) pula mengkaji pengeksplicitan kata hubung dalam teks bahasa Arab, terjemahan dan bahan terjemahan yang ditulis oleh penulis yang sama menerusi tesis doktor falsafahnya yang berjudul "*A Corpus-Based Study of Conjunctive Explicitation in Arabic Translated and Non-Translated Texts Written by the Same Translators/Authors*". Al-Masri H. (2008) pula meninjau kerugian linguistik dalam penterjemahan teks sastra Arab ke dalam bahasa Inggeris. Dalam analisisnya, Al-Masri H. menyentuh aspek implisit dan eksplisit penterjemahan.

Dalam konteks penterjemahan yang tidak melibatkan bahasa Arab, bidang ini menyaksikan kemunculan beberapa kajian yang menarik. Pada peringkat serantau, iaitu di Indonesia, Elam M. (2002) mengkaji makna implisit dalam novel '*Harry Potter and the Prisoner of Azkaban*' karya J.K.Rowling sementara pada peringkat global, Saldanha (2008) meninjau hubung kait antara peranan penterjemah dengan strategi pengeksplicitan. Mareva (2009) pula meneroka persoalan mengapa terjemahan pelajar lebih panjang berbanding dengan hasil terjemahan penterjemah profesional. Menerusi tesis doktor falsafah berjudul '*Explicitation and Implication in Translation: A Corpus-based Study of English-German and German-English Translations of Business Texts*', Becher (2011) menghuraikan pengeksplicitan dan pengimplisitan dalam penterjemahan dengan meninjau teks perniagaan Inggeris-Jerman dan Jerman-Inggeris berasaskan korpus. Kajian Becher tampak unik dan tersendiri kerana beliau melihat pengeksplicitan dan pengimplisitan dari kedua-dua arah penterjemahan, iaitu Inggeris-Jerman dan Jerman Inggeris.

Tinjauan persuratan ini juga menemui kajian yang dilaksanakan oleh Idris Mansor (2011) yang mengupas prosedur dan strategi dalam penterjemahan elemen budaya karya '*Rihlah Ibn Battutah*' ke bahasa Melayu. Fokus utama Idris Mansor (2011) dalam tesisnya ialah permasalahan meminjaman (*borrowing*) dalam penterjemahan, namun beliau turut membincangkan pengeksplicitan dalam konteks strategi dan prosedur penterjemahan budaya.

Kajian yang ditampilkan oleh penulis adalah berbeza daripada kajian-kajian yang telah disoroti ini khususnya dari aspek fokus dan objektif kajian. Kajian ini menyasarkan

pengenalpastian dan perbincangan penterjemahan bentuk makna implisit dalam teks '*Rihlah Ibn Battutah*'. Data yang dianalisis oleh kajian ini ialah himpunan dialog dalam buku '*Rihlah Ibn Battutah*' dan kajian telah dijalankan terhadap 149 set dialog yang terdapat dalam buku ini. Jenis teks seperti dialog ini merupakan sesuatu yang belum pernah diteroka dalam kajian-kajian yang dilaksanakan sebelum ini dalam domain ini, baik dalam kajian yang berkaitan dengan bahasa Arab mahupun yang bukan berkaitan dengan bahasa Arab.

Kajian Becher (2011) yang mengupas pengimplisitan dan pengeksplisitan dalam teks perniagaan Inggeris-Jerman dan Jerman-Inggeris diakui unik kerana mengkaji pengeksplisitan dari dua arah, namun ciri teks perniagaan yang dikajinya adalah berbeza dengan ciri teks '*Rihlah Ibn Battutah*' yang tergolong dalam genre sastera kembara. Unsur agama, tamadun dan pemikiran Islam, budaya serta bahasa yang berbeza menampilkan permasalahan, cabaran, persoalan, persekitaran dan isu yang berbeza berbanding dengan teks perniagaan.

Meskipun tesis Idris Mansor (2011) sedikit banyak menyentuh pengeksplisitan sebagai strategi penterjemahan, namun fokus tesis beliau bukanlah tertumpu pada pengeksplisitan dan pengimplisitan secara holistik seperti yang dikemukakan oleh kajian ini. Sebaliknya fokus beliau lebih tertumpu pada strategi dan prosedur terjemahan elemen budaya dan data beliau bukan merupakan dialog dalam buku '*Rihlah Ibn Battutah*'. Berlatarkan persekitaran ini, kajian yang dilakukan oleh pengkaji ini berada pada kedudukan yang berpotensi untuk terus mengembangkan kajian pengeksplisitan dalam disiplin penterjemahan selain mengisi lompong yang terdapat pada kajian terdahulu.

### **Permasalahan Kajian**

Fenomena kewujudan permasalahan bentuk makna implisit ini mendorong kemunculan strategi pengeksplisitan dalam penterjemahan. Pengeksplisitan bermaksud maklumat yang dinyatakan secara implisit dalam teks sumber dinyatakan secara jelas dalam teks sasaran. Terjemahan sebagai proses yang melibatkan pemindahan mesej daripada sebuah bahasa sumber kepada sebuah bahasa sasaran akan melibatkan beberapa jenis masalah berbeza termasuk linguistik, pragmatik dan budaya (Abdel Hafiz, 2003). Abdul-Raof (2001) menegaskan bahawa bahasa berbeza dengan ketara antara satu sama lain dari sudut sintaksis, semantik dan juga pragmatik. Hal ini mencetuskan permasalahan pertama (1), iaitu perbezaan dari sudut sintaksis, semantik dan pragmatik ini mencetuskan masalah makna yang seterusnya merupakan masalah utama yang menguasai disiplin terjemahan.

Sehubungan dengan itu, penterjemahan merupakan penyampaian makna yang sama dalam

bahasa sasaran, akan tetapi tidak semua makna dan maklumat dalam bahasa sumber dapat diterjemahkan ke dalam bahasa sasaran dengan jelas. Teks Arab klasik seperti *'Rihlah Ibn Battutah'* (2002) banyak mengandungi ujaran yang disampaikan dalam bentuk yang implisit bersesuaian dengan konteks sosiobudaya dan khalayak pembaca Arab itu sendiri. Walau bagaimanapun, bentuk makna implisit dalam bahasa dan budaya Arab itu tidak semestinya sesuai untuk dikekalkan dalam bentuknya yang sama dalam bahasa Melayu. Permasalahan kedua (2) ini menampilkan cabaran yang besar kepada penterjemah untuk mengatasi masalah tersebut dengan cara yang berkesan dan pada masa yang sama tidak menjejaskan maksud dan mesej yang ingin disampaikan oleh teks sumber.

Selain itu, Roswita Silalahi (2009) dalam tesis doktor falsafahnya, *'Dampak Teknik, Metode, dan Ideologi Penerjemahan pada Kualitas Terjemahan Teks Medical-Surgical Nursing dalam Bahasa Indonesia'* menghuraikan dengan jelas hubungan antara budaya dengan terjemahan dan kekompleksan perbezaan budaya yang mencetuskan masalah dalam penterjemahan. Menurut Roswita Silalahi (2009:55), bahasa merupakan bahagian daripada budaya yang mempunyai hubungan yang erat dengan pemikiran. Setiap masyarakat dan budaya memiliki cara berfikir tertentu yang diungkapkan dalam bahasanya. Hubungan bahasa dengan budaya didasari oleh prinsip bahawa bahasa harus dipelajari dalam konteks budaya dan budaya pula dapat dipelajari melalui bahasa. Budaya yang berbeza akan menghasilkan kata-kata yang berbeza kerana setiap budaya mempunyai konsep yang berbeza. Situasi ini mencetuskan permasalahan ketiga (3), iaitu penterjemahan tidak sewajarnya hanya terbatas pada pemindahan bahasa tetapi juga perlu melibatkan pemindahan antara budaya. Bahasa hanya mempunyai makna dalam latar budaya yang menjadi wadahnya. Kewujudan perbezaan dalam budaya yang melatari bahasa lazimnya menimbulkan masalah dalam mendapatkan padanan terjemahan yang tepat.

Kewujudan fenomena keterbalikan ini, iaitu bentuk maklumat yang implisit diterjemahkan menjadi bentuk maklumat yang eksplisit menuntut penterjemah menerapkan strategi yang berkesan dalam menangani cabaran makna implisit tersebut. Berdasarkan kewujudan fenomena keterbalikan ini, satu analisis bersifat pemerian dan penilaian tentang penterjemahan makna implisit adalah penting untuk meneliti permasalahan penterjemahan yang kompleks ini dan mencari jalan penyelesaian yang berkesan.

### **Objektif Kajian**

Berdasarkan pernyataan masalah dan tinjauan persuratan yang dinyatakan di atas, kajian ini menetapkan sasaran untuk mencapai tiga objektif yang berikut, iaitu:

1. Membincangkan penterjemahan bentuk makna implisit dari sudut sintaksis, semantik dan pragmatik antara dua bahasa berbeza yang mencetuskan masalah makna dalam penterjemahan buku ‘*Rihlah Ibn Battutah*’ ke dalam bahasa Melayu.
2. Membincangkan strategi yang digunakan untuk mengatasi masalah bentuk makna implisit dalam penterjemahan buku ‘*Rihlah Ibn Battutah*’ ke dalam bahasa Melayu.
3. Meninjau penterjemahan bentuk makna implisit sebagai proses yang tidak hanya terbatas pada pemindahan bahasa tetapi juga perlu melibatkan pemindahan antara budaya.

### **Soalan Kajian**

Berdasarkan objektif soalan yang dinyatakan di atas, kajian ini mengemukakan tiga soalan yang berikut:

1. Bagaimanakah perbezaan dari sudut sintaksis, semantik dan pragmatik antara dua bahasa yang berbeza mencetuskan masalah makna dalam penterjemahan buku ‘*Rihlah Ibn Battutah*’ ke dalam bahasa Melayu?
2. Bagaimanakah penterjemah mengatasi masalah bentuk makna implisit dalam penterjemahan buku ‘*Rihlah Ibn Battutah*’ ke dalam bahasa Melayu?
3. Bagaimanakah penterjemahan bentuk makna implisit mencerminkan proses yang tidak hanya terbatas pada pemindahan bahasa tetapi juga perlu melibatkan pemindahan antara budaya?

### **Kepentingan Kajian**

Sehubungan dengan itu, analisis bentuk makna implisit dalam penterjemahan buku ‘*Rihlah Ibn Battutah*’ ke bahasa Melayu adalah penting dalam konteks bidang penterjemahan Arab-Melayu, khususnya di Malaysia. Kajian ini memperlihatkan bagaimana teks Arab ‘*Rihlah Ibn Battutah*’ yang kaya dari aspek budaya dipindahkan ke dalam bahasa dan budaya Melayu. Kajian ini berusaha mempertingkatkan kesedaran dalam kalangan pengamal penterjemahan tentang betapa pentingnya menerapkan strategi pengeksplisitan dalam modul latihan dan bimbingan penterjemahan, iaitu elemen yang kurang diterapkan dalam modul latihan sedia



ada pada hari ini. Sudah tiba masanya pelajar diperkenalkan kepada faktor yang mendasari masalah penterjemahan bentuk makna implisit serta cara yang berkesan untuk mengatasinya.

Di samping itu, kajian ini dijangka memberikan input-input baharu tentang cara menangani penterjemahan teks bahasa Arab klasik seperti '*Rihlah Ibn Battutah*'. Kajian ini diharapkan berupaya menjana impak yang meluas terhadap penterjemah khususnya dalam pengukuhan kemahiran penterjemahan, pendalaman pengetahuan penterjemah tentang cabaran dan masalah makna yang sering menjejaskan kelicinan kerja penterjemahan selain penyediaan input baharu yang berupaya memperkenalkan teknik penterjemahan yang mantap sekali gus mempertingkatkan keupayaan penterjemah untuk mencapai tahap kecekapan dan profesionalisme yang lebih tinggi pada abad ke-21 ini.

### **Metodologi Kajian**

Dalam mengkaji bentuk makna implisit dalam penterjemahan buku '*Rihlah Ibn Battutah*' ke dalam bahasa Melayu, penulis telah menggunakan kaedah kajian kualitatif yang melibatkan reka bentuk kajian kes dan analisis tekstual.

Kajian kes sememangnya telah diterapkan secara meluas dalam kajian terjemahan terutamanya pada peringkat ijazah tinggi dan reka bentuk kajian kes telah mendapat sokongan yang meluas oleh akademia dalam bidang penterjemahan. Hal yang demikian ditegaskan oleh Susam-Sarajeva (2009) dalam makalah tersebut:

*“Case studies are, I would argue, the most common research method taken up by students pursuing a postgraduate degree in translation studies, especially at the doctoral level.”*

Menurut Susam-Sarajeva (2009), 'kes' dalam kajian terjemahan boleh ditafsirkan sebagai suatu unit aktiviti, produk, orang, dan sebagainya yang berkaitan dengan penterjemahan atau kejurubahasaan dalam kehidupan sebenar, yang hanya boleh dikaji atau difahami dalam konteks yang merangkumi unit tersebut. Kes boleh diambil daripada apa-apa sahaja, mencakup teks terjemahan atau pengarang, penterjemah atau jurubahasa, dan sebagainya hingga seluruh institusi penterjemahan atau sistem sumber dan penerima. Dalam konteks makalah ini, kes kajian ini ialah buku '*Rihlah Ibn Battutah*' yang telah diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu.

Sementara itu, penulis menggunakan analisis tekstual (*textual analysis*) kerana kaedah tersebut sememangnya diakui mantap dan diiktiraf oleh sarjana kajian kualitatif. Silverman

(2010) menyatakan bahawa analisis tekstual mempunyai beberapa kelebihan dan manfaat ketara seperti yang berikut:

- i. Teks yang kaya - Analisis yang terperinci tentang teks bertulis memperlihatkan kepekaan dan kemahiran penyampaian.
- ii. Kaitan dan kesan - Teks mempengaruhi pandangan manusia terhadap dunia dan penduduknya serta cara manusia bertindak.
- iii. Wujud secara semula jadi - Teks mendokumenkan perkara yang sebenarnya dilakukan oleh peserta, tanpa bergantung pada persoalan yang akan diutarakan oleh pengkaji.
- iv. Ketersediaan – Teks lazimnya mudah diakses dan tidak terlalu bergantung pada akses atau kekangan etika. Malah teks juga boleh dikumpulkan dengan cepat dan faktor ini boleh mendorong pengkaji untuk memulakan analisis data dengan lebih cepat.

(Silverman, 2010:157)

Data kajian terdiri daripada 149 set petikan dialog yang dipetik daripada teks Arab ‘*Rihlah Ibn Battutah*’ berdasarkan edisi yang disunting oleh Talal Harb dan diterbitkan oleh Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah, Beirut pada tahun 2002. Manakala data terjemahannya pula dipetik daripada buku ‘*Pengembaraan Ibn Battutah: pengembara agung, karya terulung, menyingkap wajah dunia*’ yang diterjemahkan oleh Syed Nurulakla Syed Abdullah dan Adi Setia Mohd Dom, disunting oleh Wan Roslili Abd. Majid, dan Ismail Ibrahim.


Buku ini merupakan hasil penerbitan Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) yang telah melalui proses dan standard penerbitan yang ketat mencakup penterjemahan, penilaian, semakan dan penyuntingan, pembacaan pruf, penyediaan nota hujung dan glosari serta penyediaan indeks. Meskipun salah seorang penulis, iaitu Syed Nurulakla Syed Abdullah, terlibat dalam proses penerbitan buku ini, penglibatan penulis itu hanyalah sebahagian kecil daripada proses penerbitan buku ini secara keseluruhan. Buku ini hakikatnya merupakan hasil penerbitan oleh Penerbit IKIM yang dikenali berwibawa dan terkemuka. Penerbitan buku ini sebenarnya merupakan hasil pelbagai proses pembuatan keputusan penterjemahan yang ditangani oleh penterjemah, penilai, editor, penyemak dan pembaca pruf yang menjalankan tugas di bawah Penerbit IKIM itu sendiri secara kolektif.

Seterusnya, prosedur pengkodan data untuk mengenal pasti bentuk makna implisit dan eksplisit ditentukan oleh parameter kewujudan ketidaksepadanan (*incongruity*) antara teks sumber dengan teks sasaran. Pengenalpastian elemen ketidaksepadanan ini dilakukan semasa penulis membaca dan meneliti data.

Pengekodan dilaksanakan dengan menggunakan perisian ATLAS.ti untuk mengekodkan data. ATLAS.ti merupakan antara perisian analisis data kualitatif yang dibangunkan oleh Muhr di Berlin dan dikeluarkan secara komersial pada tahun 1993. ATLAS.ti merupakan program perisian analisis data kualitatif yang membolehkan mana-mana pengkaji mengurus, mengekodkan, menganalisis, dan mengeluarkan data yang diproses dalam pelbagai kaedah yang mudah, dengan itu menjadikan data pengkaji lebih mudah difahami (Flick, 2009).

Pada peringkat awal, semua data mentah 149 set dialog yang telah dikutip dikodkan berdasarkan faktor ketidaksepadanan (*incongruity*) yang dapat dikenal pasti antara teks sumber dengan teks sasaran. Apabila terdapat ketidaksepadanan, kejanggalan dan kelainan antara teks sumber 'Rihlah Ibn Battutah' dengan teks terjemahannya, 'Pengembaraan Ibn Battutah', data tersebut dikodkan untuk penganalisisan. Ini dapat dicerminkan menerusi rajah yang berikut:

Rajah 1: Proses pengekodan data melalui tapisan ketidaksepadanan (*'incongruity'*)



Taksonomi utama kajian ini ialah 'bentuk implisit diubah menjadi bentuk eksplisit dalam penterjemahan buku 'Rihlah Ibn Battutah'. Taksonomi ini dipecahkan pula kepada subtema yang lebih kecil untuk memudahkan pengelompokan dan pengkategorian data. Taksonomi dan subtema ini dibangunkan sendiri oleh pengkaji berdasarkan pemerhatian dan penelitian yang dijalankan terhadap data kajian sekali gus menjadikannya taksonomi yang dipacu data (*data-driven taxonomy*).

Berbeza dengan pengekodan (*coding*) yang dipacu konsep (*concept-driven taxonomy*), Gibbs (2007:45-46) menyatakan bahawa pengekodan yang dipacu data ataupun pengekodan terbuka (*open coding*) mendorong pengkaji melaksanakan pengekodan dengan fikiran yang terbuka. Hakikatnya, tiada sesiapa pun yang memulakan pengekodan tanpa sebarang idea. Pengkaji merupakan pemerhati dunia sosial dan membentuk sebahagian daripada dunia tersebut. Pengkaji mempunyai idea tentang apa yang dijangka berlaku dan sebagai sarjana sains sosial, kebanyakan pengkaji mempunyai idea tertentu hasil daripada kepekaan masing-masing terhadap idea teoretikal dan kajian empirikal. Pengekodan yang dipacu data mendorong pengkaji supaya tidak memulakan pengekodan dengan pratanggapan (*preconceptions*), sebaliknya memulakan pengekodan dengan membaca teks dan cuba untuk meninjau apa yang berlaku serta tidak memaksakan sebarang penginterpretasian data berdasarkan teori sedia ada.

Subtema bagi bentuk makna implisit diubah menjadi eksplisit ialah:

1. Teks Arab lebih padat dan ringkas tetapi teks Melayu mengandungi penambahan perkataan dan maklumat berlebihan; dan
2. Teks Arab berbentuk metafora tetapi teks Melayu berbentuk prosa biasa

Kajian ini tidak menguji sebarang hipotesis. Model Klaudy dan Károly (2005) dan Pym (2005) dijadikan sebagai landasan teori kajian. Model Klaudy dan Károly (2005) diterima guna dalam kajian ini kerana keupayaannya untuk menghuraikan ciri-ciri pengekspisitan dalam penterjemahan secara jelas dan konkrit. Ini dicerminkan menerusi rumusan yang dikemukakan oleh Klaudy dan Károly (2005) bahawa pengekspisitan berlaku apabila:

1. Satu unit bahasa sumber yang mempunyai makna yang lebih umum digantikan dengan satu unit bahasa sasaran yang maknanya lebih khusus;
2. Makna perkataan bahasa sumber yang kompleks dibahagi-bahagikan kepada beberapa perkataan dalam bahasa sasaran;
3. Elemen baharu yang bermakna hadir dalam teks bahasa sasaran;
4. Satu ayat dalam bahasa sumber dibahagikan kepada dua atau beberapa ayat dalam bahasa sasaran; atau,
5. Satu frasa bahasa sumber diperluas atau ‘ditingkatkan’ menjadi klausa dalam bahasa sasaran, dan sebagainya.

Model Pym (2005) pula diterima guna dalam kajian ini berdasarkan kekuatannya yang menghubungkan pengekspisitan dengan faktor penghindaran risiko dalam amalan penterjemahan. Penghindaran risiko boleh menjadi sebab yang rasional bagi pelbagai jenis situasi yang melibatkan penterjemah, dalam budaya tertentu dan dari sudut norma tertentu. Kewujudan risiko yang lebih besar mencipta peluang yang lebih besar bagi penterjemah

untuk mengurangkan risiko, meskipun secara jelasnya pengurangan risiko bukan merupakan suatu kewajiban. Model yang disyorkan oleh Pym ini menghubungkan pengeksplisitan dengan terminologi pengurusan risiko. Pym (2005) menyatakan bahawa penterjemah mempunyai sebab untuk menjadi individu yang berusaha menghindarkan risiko, ataupun mereka perlu mengurangkan risiko, atau mereka tidak mahu mengambil risiko atas nama mereka sendiri.

Berlandaskan model Klaudy dan Károly (2005) dan Pym (2005) serta memanfaatkan taksonomi dan subtema yang telah dibina, penulis telah menjalankan analisis terhadap pengeksplisitan bentuk makna implisit dalam penterjemahan buku '*Rihlah Ibn Battutah*'.

Bagi tujuan keabsahan dan kebolehpercayaan kajian, penulis telah menggunakan prosedur *inter-rater reliability* (kebolehpercayaan antara pemeriksa) sebagai strategi pengukuhan kajian. Seperti yang dinyatakan oleh Marques dan McCall (2005), kajian kualitatif lazim dianggap sebagai kurang saintifik dan dapatannya diterima dalam cara yang tidak dapat diukur dan dinilai. Oleh itu, menggunakan kebolehpercayaan antara pemeriksa dalam kajian kualitatif memerlukan para pemeriksa (*interraters*) untuk terlibat dalam memberikan perhatian yang penuh terhadap pembacaan bahan, yang kemudiannya perlu diinterpretasikan, dan pada masa sama para pemeriksa perlu mempamerkan pemahaman yang sama atau asas terhadap tajuk yang dikupas.

Penggunaan kebolehpercayaan antara pemeriksa dalam kajian kualitatif bukanlah sekadar alat pengesahan kerana kajian kualitatif sehingga kini secara sebulat suara dianggap sebagai sofistikated secara saintifik. Jelas Marques dan McCall (2005), kebolehpercayaan antara pemeriksa dilihat sebagai alat pengukuhan (*solidification tool*) yang dapat menyumbang kepada kualiti kajian kualitatif dan juga tahap keseriusan kajian kualitatif untuk diberikan pertimbangan yang lebih baik pada masa hadapan. Yang lebih penting, dengan melibatkan para pemeriksa bebas, yang pada asalnya tidak mempunyai hubungan dengan kajian, dalam penganalisan data yang diperoleh akan memberikan kekuatan kepada pengkaji kualitatif sebagai 'instrumen' kajian dan mengurangkan dengan ketara ruang untuk sikap berat sebelah (*bias*) mempengaruhi hasil kajian.

*“As explained earlier, the researcher is usually considered the instrument in a qualitative study. By using interrater reliability as a solidification tool, the interraters could become true validators of the findings of the qualitative study, thereby elevating the level of believability and generalizability of the outcomes of this study.”*

Marques dan McCall (2005:440)

Pengesahan dan pengukuhan yang diperoleh daripada pakar yang terlibat ketika penulis menjalankan kajian ini amat membantu dalam mengelakkan masalah ketidaktekalan dalam interpretasi dan memberikan ruang kepada penulis untuk memperkukuh analisis dan penemuan kajian yang diperoleh ketika kajian masih sedang berlangsung. Sebanyak lima orang pakar dalam bidang penterjemahan, penulisan, linguistik dan penerbitan dalam bahasa Arab dan bahasa Melayu, malah bahasa Inggeris juga, telah dimanfaatkan dalam pelaksanaan proses *inter-rater reliability* untuk kajian ini antara tahun 2012 hingga 2014. Data kajian ini telah melalui proses analisis dan perbincangan secara terperinci bersama-sama dengan lima orang pakar berbeza ini.

### **Analisis dan Perbincangan**

Dengan menggunakan parameter ketidaksepadanan (*incongruity*) antara teks sumber dengan teks terjemahan, penulis telah memperoleh data yang memperlihatkan kewujudan bentuk makna implisit dalam ‘*Rihlah Ibn Battutah*’ yang menampilkan cabaran dan kesukaran kepada penterjemah hingga mendorong proses pengeksplisitan dilaksanakan dalam penterjemahan.


Penggunaan perisian ATLAS.ti pula membolehkan penulis memerhatikan data secara terperinci dan menemui ciri persamaan yang terdapat pada data yang dikelompokkan di bawah taksonomi ini. Usaha ini menghasilkan ‘*family*’ dalam istilah ATLAS.ti yang membawa maksud tema atau kategori. Empat tema yang telah dikenal pasti di bawah taksonomi kajian merangkumi yang berikut:

Jadual 1: Tema-tema bagi Bentuk Makna Implisit Diubah Menjadi Eksplisit

<b><i>Rihlah Ibn Battutah</i></b>	<b>Pengembaraan Ibn Battutah</b>
Teks Arab lebih padat dan ringkas	Teks Melayu mengandungi penambahan perkataan dan maklumat berlebihan
Teks Arab berbentuk metafora	Teks Melayu berbentuk prosa biasa

Taksonomi dan tema ini seterusnya dapat digambarkan menerusi Rajah 2 yang berikut:

Rajah 2: Bentuk makna implisit diubah menjadi eksplisit



Dalam perbincangan yang seterusnya, penulis mengemukakan enam set dialog yang telah dipilih untuk menghuraikan pengeksplicitan bentuk makna implisit dalam *'Rihlah Ibn Battutah'* bagi tujuan analisis dan perbincangan. Contoh data yang dikemukakan ini dijangka memberikan idea dan gambaran kepada pengamal penterjemahan tentang isu bentuk makna implisit dan cara mengatasi kesukaran penterjemahan bentuk makna ini.

### **Teks Arab Lebih Padat dan Ringkas Menjadi Teks Melayu yang Mengandungi Penambahan Perkataan dan Maklumat Berlebihan**

Contoh pertama yang dikemukakan penulis di bawah tajuk ini merupakan contoh yang paling ketara memandangkan contoh ini mengetengahkan isu pokok yang mendasari perbincangan kita mengenai tema yang pertama ini, dan menetapkan nada bagi perbincangan seterusnya dalam analisis ini.

(1)

P 1: DATA BABM RIB.rtf - 1:2 [] (97:97) (Super)

Codes: [Teks Arab lebih ringkas] Halaman: (RIB) 47/(PIB) 34

فقال : "سوف تحج وتزور النبي صلى الله عليه وسلم"

P 1: DATA BABM RIB.rtf - 1:3 [Beliau berkata, "Kamu akan menunaikan haji di Makkah dan menziarahi makam Nabi s.a.w. di Madinah."

] (99:99) (Super)

Codes: [Terdapat penambahan perkataan (Maklumat berlebihan)] Halaman : (PIB) 34/ (RIB) 47

Dalam contoh ini, perkataan *تحج* telah diterjemahkan dengan lebih panjang melalui penambahan perkataan dan maklumat yang berlebihan, iaitu: "Kamu akan menunaikan haji di Makkah..."

Konteks: Dialog ini berlangsung antara Syeikh Abū `Abdillah al-Mursyidī dengan Ibn Battutah. Ketika Ibn Battutah berada di kota Fawwa, Mesir, beliau telah menemui Syeikh Abū `Abdillah al-Mursyidi di zawiyaunya. Syeikh Abū `Abdillah lalu menempatkan Ibn Battutah untuk tidur di atas bumbung zawiya. Pada malam itu, Ibn Battutah bermimpi seolah-olah dia berada di atas sayap seekor burung besar yang membawanya terbang menuju Makkah, Yaman dan seterusnya ke arah barat dan selatan. Mimpi tersebut menghairankan Ibn Battutah dan pada pagi keesokannya, Syeikh Abū `Abdillah mentafsirkan mimpinya.

Dalam contoh (1) ini, kata kerja *تحج* yang diucapkan oleh Syeikh Abū `Abdillah adalah ringkas, padat dan secara literalnya membawa maksud, "kamu akan menunaikan haji". Namun, terjemahan teks sasaran dalam *'Pengembaraan Ibn Battutah'* (2004) telah memberikan maklumat berlebihan berbanding dengan teks sumber. Terjemahan teks sasaran ialah "Kamu akan menunaikan haji di Makkah". Dalam contoh (1) ini, perbuatan menunaikan ibadah haji cukup dinyatakan dalam bentuk makna yang implisit dalam bahasa Arab, iaitu dalam bentuk kata kerja *تحج* tanpa dinyatakan tempat ibadah haji tersebut dilakukan. Walau bagaimanapun, penterjemah didapati telah mengeksplisitkan bentuk makna implisit tersebut dengan menambah maklumat tentang lokasi ibadah haji, iaitu menerusi perkataan 'di Makkah'. Dialog penuh adalah seperti yang berikut:

- فعجبت من هذه الرؤيا وقلت في نفسي : " إن كاشفني الشيخ برويائي فهو كما يحكي عنه "

-وكاشفني برويائي فقصصتها عليه فقال : " سوف تحج وتزور النبي صلى الله عليه وسلم

(*Rihlah Ibn Battutah*, 2002:47)



Mimpi ini sungguh menghairankanku. Dalam hatiku berkata, “Seandainya syeikh ini mengetahui secara kasyaf apa yang kumimpikan, benarlah apa yang diceritakan tentang dirinya.”

Aku menceritakan mimpiku kepadanya. Beliau berkata, “Kamu akan menunaikan haji di Makkah dan menziarahi makam Nabi s.a.w. di Madinah.

(Pengembaraan Ibn Battutah, 2004:34)

Berdasarkan aspek pragmatik dan secara khususnya prinsip kerjasama Grice, penutur dan interlocutor (orang yang menyertai perbualan atau dialog) dalam perbualan bahasa Arab di atas, iaitu Syeikh Abū`Abdillah dan Ibn Battutah telah bekerjasama dalam memberikan sumbangan secara informatif sebagaimana yang diperlukan, dan tidak memberikan sumbangan yang lebih informatif daripada apa yang diperlukan. Apabila Ibn Battutah mendengar ujaran Syeikh Abū `Abdillah, beliau sebagai penutur dan pendengar bahasa Arab yang kompeten, secara semula jadi faham bahawa menunaikan haji adalah di Makkah walaupun maklumat itu tidak dinyatakan dalam ujaran Syeikh Abu `Abdillah.

Namun, teks terjemahan Melayu memberikan maklumat yang lebih berbanding dengan teks Arab. Ujaran Syeikh Abū`Abdillah dalam bentuk makna yang implisit dalam contoh (1) ini diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu dalam bentuk yang lebih eksplisit. Pemerhatian yang dapat disimpulkan di sini ialah:

1. Penterjemah Melayu menterjemahkan ujaran tersebut sedemikian bertujuan merapatkan jurang budaya dan menjadikan teks terjemahan berinteraksi secara lebih eksplisit dengan pembaca sasaran berbanding dengan teks asal.
2. Dalam dialog, penutur lazimnya menyampaikan maksud yang lebih luas daripada sekadar apa yang diperkatakan dan dilafazkan oleh penutur. Dalam penterjemahan, hubungan yang tercetus adalah antara penterjemah dengan pembaca. Penterjemah ingin memberikan makna yang disampaikan dengan lebih jelas kepada pembaca sarasannya. Penterjemah mentafsirkan makna di sebalik kata-kata penutur yang lazimnya lebih luas maknanya bersesuaian dengan pendapat Leech bahawa “*speakers often mean more than they say*” (1983:9). Situasi ini telah mendorong pengeksplisitan bentuk makna implisit teks asal ini dalam teks sasaran.

## Penambahan Perkataan Merancakkan Dan Menghidupkan Perbualan Dalam Bahasa Melayu

Salah satu dapatan lain yang diperoleh di bawah tema yang pertama ini, iaitu teks Arab lebih padat dan ringkas menjadi teks Melayu yang mengandungi penambahan perkataan dan maklumat berlebihan ialah pengeksplisitan berlaku dalam teks sasaran untuk merancakkan dan menjadikan dialog teks sumber lebih hidup dalam teks sasaran. Malah dalam contoh (2) ini, tidak terdapat pun kata-kata yang mengandungi bentuk makna implisit yang dieksplisitkan dalam teks sasaran. Sebaliknya apa yang dieksplisitkan ialah persekitaran atau latar yang melatari dialog tersebut. Analisis terhadap contoh (2) memperkukuh kenyataan ini:

(2)

**P 1: DATA BABM RIB.rtf - 1:29 (1057:1057) (Super)**

Codes: [Teks Arab lebih padat dan ringkas] Halaman : (RIB) 271/ (PIB) 293

فقال لي: "إن العادة إذا جاء الفقيه أو الشريف أو الرجل الصالح لا ينزل حتى يرى السلطان"

**P 1: DATA BABM RIB.rtf - 1:30** [Beliau membalas kata-kataku, "Untuk pengetahuan saudara, adat yang diamalkan di sini, apabila seorang faqih, *syarif* atau orang yang salih datang, ia perlu menghadap sultan terlebih dahulu sebelum mendapat tempat tinggal."] (1062:1062) (Super)

Codes: [Terdapat penambahan perkataan (Maklumat berlebihan)] Halaman : (PIB) 293/ (RIB) 271

Konteks: dialog ini berlangsung antara Ibn Battutah dengan seorang kadi apabila Ibn Battutah tiba di Mogadishu, Somalia. Untuk memudahkan pemahaman konteks dialog, dialognya yang lengkap diturunkan di sini:

وقال لي : " بسم الله نتوجه للسلام على الشيخ "

فقلت : "ومن الشيخ ؟"

فقال : " السلطان" ، وعادتهم أن يقولوا للسلطان الشيخ.

فقلت له : " إذا نزلت توجهت إليه "

فقال لي : " إن العادة إذا جاء الفقيه أو الشريف أو الرجل الصالح لا ينزل حتى يرى السلطان

(*Rihlah Ibn Battutah*, 2002, p.271)

“Dengan nama Allah, marilah kita menemui dan mengucapkan salam kepada syeikh.” Aku bertanya, “Siapakah syeikh?” Beliau menjawab, “Sultan,” dan sebenarnya sudah menjadi adat bagi mereka untuk memanggil sultan dengan gelaran tersebut. Aku berkata kepada kadi, “Apabila aku mendapat tempat tinggal, aku akan pergi menemui baginda.” Beliau membalas kata-kataku, “Untuk pengetahuan saudara, adat yang diamalkan di sini, apabila seorang faqih, syarif atau orang yang salih datang, ia perlu menghadap sultan terlebih dahulu sebelum mendapat tempat tinggal.”

(*Pengembaraan Ibn Battutah*, 2004: 293)

Kadi tersebut menjemput Ibn Battutah untuk pergi menemui Sultan tetapi Ibn Battutah menolak dengan menjawab bahawa dia hanya akan pergi setelah mendapat tempat tinggal. Lalu kadi membalas kata-kata Ibn Battutah:

فقال لي: "إن العادة إذا جاء الفقيه أو الشريف أو الرجل الصالح لا ينزل حتى يرى السلطان"

Kata-kata kadi itu tersebut jika diterjemahkan bermaksud, “Sesungguhnya adat yang diamalkan di sini, apabila seorang faqih, syarif atau orang yang salih datang, ia perlu menghadap sultan terlebih dahulu sebelum mendapat tempat tinggal.” Walau bagaimanapun, teks sasaran telah menjadikan dialog kadi ini lebih eksplisit dengan penambahan kata-kata pembuka pada awalnya, iaitu “untuk pengetahuan saudara”, yang padanan asalnya tidak terdapat dalam teks sumber. Menurut input yang diberikan oleh pakar yang terlibat dalam proses *inter-rater reliability* kajian ini pada tahun 2014, “untuk pengetahuan saudara” dari segi struktur dalam bahasa Melayu merupakan frasa kata sendi nama, dan dari segi fungsi pula merupakan frasa keterangan, yang lazim digunakan dalam bahasa Melayu dalam dialog atau perbualan antara dua pihak, juga dalam wacana berbentuk pemberitahuan dan makluman.

Apabila kita menganalisis dialog ini dengan lebih terperinci, kita menemui urutan peristiwa yang berikut:

1. Ibn Battutah menolak jemputan kadi untuk menemui baginda sultan dengan menyatakan dia hanya akan pergi setelah memperoleh tempat tinggal. Bahagian ini merupakan penolakan.
2. Kadi tersebut pula pada hakikatnya enggan bersetuju atau menyanggah penolakan Ibn Battutah dan beliau tetap berkeras mahukan Ibn Battutah pergi bersama-sama dengannya menemui baginda sultan. Bahagian ini merupakan jawaban kepada penolakan pada bahagian pertama.

Dalam perbualan, secara pragmatiknya jawapan balas penutur terhadap interlocutor tidak sewajarnya dibuat secara mendadak (*abrupt*) kerana ia menjejaskan ketertiban dan kesantunan berbahasa. Oleh sebab itu, sarjana pragmatik seperti Yule (1996) memberikan perhatian kepada perbualan dengan mengemukakan konsep struktur pilihan (*preference structure*) supaya perbualan menjadi lebih santun.

Struktur pilihan membahagikan perbualan kepada dua bahagian, iaitu bahagian pertama dan bahagian kedua. Bahagian pertama (*first part*) menunjukkan bentuk ujaran yang terdiri daripada penilaian (*assessment*), undangan (*invitation*), tawaran (*offer*), cadangan (*proposal*) dan permintaan (*request*). Bahagian kedua (*second part*) pula menunjukkan lakuan sosial (*social acts*) *preferred* (pilihan) dan *dispreferred* (bukan pilihan). Secara asasnya, lakuan pada masa hadapan yang diharapkan oleh interlocutor secara struktur ialah yang berbentuk ‘*preferred*’ manakala lakuan yang ingin dihindarkan oleh interlocutor pada masa hadapan dari segi struktur ialah ‘*dispreferred*’. Yang menjadi pilihan interlocutor dalam bahagian kedua perbualan ialah bersetuju dan menerima (penilaian, undangan, tawaran, cadangan dan permintaan) tersebut manakala yang bukan pilihan pula ialah tidak bersetuju, menolak dan tidak mahu menerima (penilaian, undangan, tawaran, cadangan dan permintaan) tersebut.

Jadual 2: *The general patterns of preferred and dispreferred structures (following Levinson 1983) dipetik daripada Yule (1996:79)*

<b>First Part</b>	<b>Second Part</b>	
	<b>Preferred</b>	<b>Dispreferred</b>
Assessment	Agree	Disagree
Invitation	Accept	Refuse
Offer	Accept	Decline
Proposal	Agree	Disagree
Request	Accept	Refuse

Namun, sekiranya jawapan yang perlu diberikan ialah yang berbentuk ‘*dispreferred*’ (tidak bersetuju, enggan dan menolak), penutur seharusnya menggunakan beberapa pilihan yang bersesuaian agar jawapan yang diberikan berlapik dan tidak kelihatan terlalu mendadak. Yule (1996:81) menyenaraikan bentuk-bentuk yang berkaitan dengan bahagian kedua ‘*dispreferred*’ dengan mengambil contoh elemen pilihan (*optional elements*) dalam bahasa Inggeris seperti yang berikut. Elemen pilihan ini semuanya berfungsi menjadikan penolakan lebih lembut, berlapik dan santun.

Jadual 3: *How to do a dispreferred* dipetik daripada Yule (1996: 81)

	<b>How To Do a Dispreferred</b>	<b>Examples</b>
a.	Delay/Hesitate	Pause; er; em; ah
b.	Preface	Well; oh
c.	Express doubt	I'm not sure; I don't know
d.	Token Yes	That's great; I'd love to
e.	Apology	I'm sorry; what a pity
f.	Mention obligation	I must do X; I'm expected in Y
g.	Appeal for understanding	You see; you know
h.	Make it non-personal	Everybody else; out there
i.	Give an account	Too much work; no time left
j.	Use mitigators	Really; mostly sort of; kinda
k.	Hedge the negative	I guess not; not possible

Dalam konteks contoh yang dianalisis ini, kita dapat melihat bahawa peralihan atau transisi perbualan dalam teks sumber berlaku secara agak mendadak, dan tidak ditandai oleh sebarang elemen pilihan seperti yang dicadangkan oleh Yule (1996). Strategi yang digunakan oleh terjemahan '*Rihlah Ibn Battutah*' menepati kaedah untuk memberikan jawapan yang berbentuk '*dispreferred*', iaitu kaedah "g. Memujuk supaya interlokutor memahami situasi (g. Appeal for understanding)" dengan menggunakan ujaran "untuk pengetahuan saudara" (sepadanan dengan ujaran bahasa Inggeris – *you see, you know*).

فقال لي: "إن العادة إذا جاء الفقيه أو الشريف أو الرجل الصالح لا ينزل حتى يرى السلطان"

"Untuk pengetahuan saudara, adat yang diamalkan di sini, apabila seorang faqih, *syarif* atau orang yang salih datang, ia perlu menghadap sultan terlebih dahulu sebelum mendapat tempat tinggal."

Pemerhatian yang dapat disimpulkan daripada contoh (2) ini termasuk:

1. Terjemahan '*Pengembaraan Ibn Battutah*' memberikan sentuhan yang mencetuskan kelainan terhadap dialog dalam teks sasaran dengan menggunakan frasa keterangan, "untuk pengetahuan saudara" yang berfungsi untuk memujuk, meyakinkan interlokutor dan melancarkan perbualan. Jika diteliti, frasa keterangan "untuk pengetahuan saudara" ini bertepatan dengan elemen pilihan yang dikemukakan oleh Yule, iaitu (g. *Appeal for Understanding* (*You see, you know*)) seperti yang tertera

- dalam jadual di atas. Dengan memasukkan frasa keterangan “untuk pengetahuan saudara”, terjemahan dialog ini menjadi lebih eksplisit sekali gus menjadikan urutan (*sequence*) perbualan dan struktur perbualan lebih lancar dan berkesan dalam teks sasaran.
2. Ini merupakan satu dapatan yang penting dalam kajian ini. Dalam penterjemahan dialog, data (2) ini menunjukkan bentuk pengeksplisitan yang unik dan tersendiri. Frasa keterangan “untuk pengetahuan saudara” sememangnya lazim digunakan dalam bahasa Melayu pada awal atau pembukaan ayat khususnya apabila penutur atau penulis ingin menjelaskan dan menerangkan sesuatu kepada interlokutor atau khalayaknya. Justeru, penggunaan frasa keterangan ini di sini adalah tepat dan bersesuaian dengan norma komunikasi dan konteks budaya dan pembaca Melayu. Penggunaan frasa keterangan seperti ini juga mencerminkan kesantunan dan kehalusan dalam pertuturan.
  3. Bentuk makna implisit dalam contoh (2) ini bukanlah pada perkataan atau teksnya, tetapi pada persekitaran perbualannya, yang telah dijadikan lebih eksplisit dalam teks sasaran menerusi penambahan frasa keterangan tersebut. Penambahan frasa keterangan seperti ini dalam teks sasaran berkesan dalam merancakkan dialog dan menjadikannya lebih hidup dalam bahasa Melayu. Ini seterusnya membolehkan teks terjemahan berinteraksi secara lebih lincah dengan pembaca sasaran. Contoh ini memperkukuh apa yang dimaksudkan oleh Klaudy dan Károly (2005) bahawa pengeksplisitan berlaku apabila satu unit bahasa sumber yang mempunyai makna yang lebih umum digantikan dengan satu unit bahasa sasaran yang maknanya lebih khusus dan elemen baharu yang bermakna hadir dalam teks bahasa sasaran.

### **Pengeksplisitan Meningkatkan Makna Konotasi Ayat**

Contoh (3) yang berikut ini pula menunjukkan bahawa pengeksplisitan dapat membantu penterjemah dalam meningkatkan makna konotasi ayat, dengan demikian mempertingkatkan kejelasan teks.

(3)

**P 1: DATA BABM RIB.rtf - 1:39 (1904:1904) (Super)**

Codes: [Teks Arab lebih padat dan ringkas] Halaman : (PIB) 487 / (RIB) 444

فقال لهم السلطان : قد غفرت لكم هذه الزلعة، وإياكم والعودة إلى الكلام في إيبك

**P 1: DATA BABM RIB.rtf - 1:40** [Sultan bertitah kepada mereka, “Kali ini beta memaafkan kesalahan kamu ini. Akan tetapi, berhati-hatilah supaya tidak lagi memburuk-burukkan Aibak.”..] (1906:1906) (Super)

Codes: [Terdapat penambahan perkataan (Maklumat berlebihan)] Halaman : (PIB) 487 / (RIB) 444/ (TIB) 629

Konteks: Sultan yang dinyatakan dalam petikan ini ialah Sultan Syihabuddin yang memerintah Delhi, India pada abad ke-12 Masihi. Sultan Syihabudin mengutus ketua panglima tenteranya bernama Amir Qutbuddin Aibak atau ringkasnya Aibak dengan pasukan tentera yang besar untuk menawan Lahaur (Lahore). Aibak menduduki kota Lahore dan lama-kelamaan pemerintahannya menjadi kukuh serta mantap. Mereka yang berdamping rapat dengan sultan akhirnya mula menabur fitnah terhadap Aibak di sisi baginda. Mereka mengatakan bahawa Aibak bercadang untuk mendirikan kerajaan sendiri di India, malah Aibak telah memberontak dan menderhaka kepada sultan.

Mendengar perkara ini, Aibak lalu masuk ke Ghaznah pada waktu malam dan terus menghadap sultan, tanpa pengetahuan para pemfitnah. Pada keesokan harinya, sultan bersemayam di atas singgahsana baginda setelah menyuruh Aibak duduk di bawahnya agar beliau tidak kelihatan. Kemudian pengiring dan pegawai utama sultan yang telah memfitnah Aibak pun masuk. Berikut merupakan petikan penuh dialog:

Apabila mereka duduk, sultan pun bertanya kepada mereka tentang hal Aibak. Mereka menjawab bahawa Aibak telah menderhaka serta memberontak dan berkata, “Hamba-hamba semua dapat mengesahkan bahawa Aibak telah mengisytiharkan dirinya sebagai raja,” lalu sultan pun mengetuk singgahsana dengan kaki, menepuk tangan baginda dan berseru, “Wahai Aibak!” Aibak menyahut, “Ya! Hamba menyahut panggilan tuanku!” Aibak terus keluar menghadapi orang yang memfitnah dirinya. Mereka benar-benar terkejut dan panik lalu segera mengucup tanah dalam keadaan ketakutan. Sultan bertitah kepada mereka, “Kali ini beta memaafkan kesalahan kamu ini. Akan tetapi, berhati-hatilah supaya tidak lagi memburuk-burukkan Aibak.” Sultan memerintah Aibak supaya kembali ke India.

(Pengembaraan Ibn Battutah, 2004:487)

Dalam teks sumber bahasa Arab, kita dapat mengenal pasti bentuk makna denotasi yang implisit menerusi perkataan الكلام yang membawa maksud “percakapan” sahaja. Ini bermakna bahawa dalam teks sumber, Sultan Syihabbudin melembutkan nada percakapannya apabila baginda bertitah menasihati pengiring dan pegawai utama baginda sendiri yang telah memfitnah Aibak. Teks sumber menunjukkan bahawa baginda sultan tidak menghentam pengiring dan pegawai baginda sendiri secara lantang, sebaliknya menasihati mereka secara halus dan lembut.

Walau bagaimanapun, penterjemah telah mengeksplisitkan bentuk makna implisit ini dan memberikan interpretasi terhadap الكلام sebagai ‘memburuk-burukkan’ Aibak. Berkemungkinan besar, makna yang dibina oleh terjemahan versi Melayu ini tidak datang secara mendadak. Menerusi kisah Aibak ini sejak dari awal, penterjemah dapat mengesan bahawa pengiring dan pegawai utama baginda sultan telah memfitnah Aibak di sisi sultan. Oleh yang demikian, yang dimaksudkan dengan الكلام ialah perbuatan ‘memburuk-burukkan’ Aibak dan bukan sekadar percakapan biasa. Terjemahan versi Melayu ingin membantu pembaca memahami jalan cerita teks asal dengan lebih jelas justeru teknik pengeksplisitan perlu digunakan di sini.

Pemerhatian yang dapat kita simpulkan di sini ialah proses pengeksplisitan melibatkan pemahaman konteks dan latar belakang teks dan adakalanya penterjemah menggantikan perkataan dalam teks asal dengan perkataan yang boleh menyampaikan makna konotasi yang lebih intensif sifatnya dan yang lebih eksplisit dalam teks sasaran.

### **Pengeksplisitan Disebabkan Oleh Faktor Leksis-Tatabahasa**

Dalam dua buah contoh yang berikut, iaitu (4) dan (5), kita dapat memerhatikan pengeksplisitan melalui penambahan perkataan berlaku disebabkan oleh faktor leksis-tatabahasa bahasa sasaran. Apabila sesebuah teks dalam sesuatu bahasa diterjemahkan ke dalam bahasa sasaran, faktor leksis-tatabahasa yang sememangnya terdapat dalam bahasa sasaran akan mempunyai pengaruh yang kuat terhadap strategi penterjemahan yang dilakukan oleh penterjemah. Hal ini tidak terkecuali dalam strategi pengeksplisitan dalam penterjemahan buku ‘Rihlah Ibn Battutah’.

**(4)**

**P 1: DATA BABM RIB.rtf - 1:59 (1618:1618) (Super)**

Codes: [Teks Arab lebih padat dan ringkas] Halaman : (RIB) 368 (PIB) 407 / (PIB) 407



"وكنت أردت السفر من السرا إلى خوارزم فنهاني عن ذلك وقال لي: " أقم أياما وحينئذ تسافر..."

[Aku bercadang untuk meneruskan pengembaraan dari Sara ke Khawarizm tetapi Syeikh Nu`manuddīn melarangku daripada berbuat demikian dan berkata kepadaku, "Tinggallah di sini untuk beberapa hari. Selepas itu bolehlah kamu meneruskan perjalanan kamu..." (1620:1620) (Super)

Codes: [Terdapat penambahan perkataan (Maklumat berlebihan)] Halaman : (PIB) 407 / (RIB) 368

Konteks: Ibn Battutah bercadang untuk meneruskan pengembaraan dari Sara ke Khawarizm tetapi Syeikh Nu`manuddīn melarangnya daripada berbuat demikian. Dalam contoh (4), kita menemui beberapa penambahan perkataan dalam teks sasaran. Dalam ayat:

أقم أياما وحينئذ تسافر

Dalam teks "Tinggallah di sini untuk beberapa hari. Selepas itu bolehlah kamu meneruskan perjalanan kamu" kita dapat memerhatikan beberapa perkara yang berikut:

1. Satu ayat dalam teks asal telah dipecahkan menjadi dua ayat dalam teks sasaran
2. Penambahan perkataan "di sini" dan "bolehlah" yang tidak terdapat dalam teks asal

Dalam contoh (4) ini, kita menemui strategi pengeksplisitan yang dinyatakan oleh Klaudy dan Károly (2005) bahawa teks sumber boleh dikembangkan menjadi dua buah ayat atau lebih dalam teks sasaran selain satu perkataan boleh dikembangkan menjadi frasa atau klausa dalam teks sasaran.

Yang pertama, pada tahap ayat. Dalam contoh (4) ini, kita dapat melihat satu ayat bahasa Arab diterjemahkan menjadi dua ayat dalam bahasa Melayu. Pengembangan satu ayat dalam teks asal menjadi dua ayat dalam teks sasaran menunjukkan berlakunya proses pengeksplisitan dalam penterjemahan. Terjemahan versi Melayu bukan sahaja telah menambah perkataan, malah menambah jumlah ayat untuk mempertingkatkan kejelasan kepada pembaca.

Yang kedua, pada tahap perkataan dan pembinaan ayat. Dalam contoh (4) ini, kata perintah أقم menuntut teks sasaran menambah frasa sendi 'di sini' kerana perkataan 'tinggallah' merupakan kata kerja tidak transitif yang memerlukan pelengkap. Tanpa frasa pelengkap seperti 'di sini', perkataan 'tinggallah' tidak dapat menyampaikan maksud yang dikehendaki dalam teks sumber malah tidak dapat berfungsi secara gramatis dalam bahasa Melayu. Sehubungan dengan itu, strategi pengeksplisitan menggunakan frasa sendi 'di sini' dalam

contoh (4) menunjukkan bahawa faktor leksis-tatabahasa turut memainkan peranan dalam proses pengeksplisitan dalam penterjemahan.

Dalam contoh (4) ini juga, penambahan perkataan ‘bolehlah’ dapat diperhatikan dalam teks sasaran: “Selepas itu bolehlah kamu meneruskan perjalanan kamu.” Kata bantu ‘bolehlah’ yang terdiri daripada kata ‘boleh’ dan partikel ‘lah’ merupakan penambahan perkataan yang diberikan oleh penterjemah tetapi tidak terdapat dalam teks asal dalam bahasa Arab.

Dalam bahasa Melayu, kata ‘boleh’ merupakan kata bantu yang hadir sebelum frasa, yang bertugas membantu frasa kerja dan frasa sendi nama. Kata ‘boleh’ membawa unsur keizinan atau kebenaran dan tidak menyalahi peraturan. Partikel “lah” pula ialah partikel atau kata tegas yang digunakan untuk menegaskan kata yang mendahuluinya serta terikat dengannya. Dalam budaya Melayu, kata ‘boleh’ lazim digunakan dalam ayat untuk melembutkan nada ayat yang ditulis atau dilafazkan. Partikel ‘lah’ pula berfungsi memberikan penekanan pada bahagian-bahagian tertentu dalam ayat ( Nik Safiah Karim et al., Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga, 2008:261).

Kata bantu ‘boleh’ dan partikel ‘lah’ dalam teks terjemahan juga membantu pengolahan ayat yang tertib dan tersusun dalam teks sasaran. Tanpa kata ‘bolehlah’ ini, terjemahan yang dihasilkan menjadi kasar, kaku dan bersifat mendadak (*abrupt*). Bayangkan ayat ini: “Selepas itu, kamu meneruskan perjalanan kamu.” Jika pilihan ini diambil, terjemahan teks Melayu tidak akan berjaya menepati ciri penulisan yang baik seperti yang dihasratkan oleh sarjana terjemahan pada hari ini.

Contoh (4) ini membawa kita kepada kesimpulan pemerhatian yang berikut:

1. Strategi pengeksplisitan melibatkan pengembangan satu ayat dalam teks asal kepada dua ayat atau lebih dalam teks sasaran.
2. Sesetengah kes penambahan perkataan yang berlaku berpunca daripada faktor leksis-tatabahasa, pragmatik dan pilihan komunikasi lazim oleh bahasa dan pembaca bahasa sasaran.

Kita beralih pula kepada contoh yang berikut dalam perbincangan di bawah topik leksis-tatabahasa ini.

(5)

Codes: [Teks Arab lebih padat dan ringkas] Halaman : (RIB) 448 / (PIB) 493

فشكره على ذلك وقيل يده، فقال له: " اركب الآن ". فركب في خاصته ومماليكه

**P 1: DATA BABMBI RIB.rtf - 1:46 [Kai Khusru berterima kasih kepadanya..] (1996:1996) (Super)**

Codes: [Terdapat penambahan perkataan (Maklumat berlebihan)] Halaman : (PIB) 493 / (RIB) 448

No memos

Kai Khusru berterima kasih kepadanya dan Malik al-Umara' mengucap tangannya lalu berkata, "Tuanku tunggulah kuda sekarang juga." Maka Kai Khusru pun berangkat keluar dengan menunggang kuda disertai oleh semua pegawai utama serta *mamluknya*.

Konteks: Malik al-Umara' mencadangkan agar Kai Khusru yang menggantikan Sultan Ghiyathuddin Balaban yang mangkat sebagai Sultan Delhi meninggalkan kota dan melarikan diri ke wilayah Sind kerana dikatakan terdapat komplot untuk membunuhnya. Kai Khusru yang tidak tahu akan helah yang dirancang oleh Malik al-Umara' untuk mengusirnya mengucapkan terima kasih kepada Malik al-Umara'. Malik al-Umara' kemudiannya mengucap tangan Kai Khusru dan meminta baginda menunggang kudanya pada waktu itu juga.

فقال له: " اركب الآن ". فركب في خاصته ومماليكه

Contoh (5) ini jika diterjemahkan secara literal akan membawa maksud: "Tunggulah sekarang."

Dalam contoh (5) ini, kita dapat memerhatikan penambahan perkataan yang berikut:

1. Dalam ayat yang pertama, terdapat penambahan perkataan "tuanku" dan "kuda" yang padanannya tidak terdapat dalam teks asal.
2. Dalam ayat yang kedua, terdapat penambahan "Maka Kai Khusru pun berangkat keluar dengan" yang tidak terdapat dalam teks asal.

Penambahan kata "tuanku" merupakan kata nama yang dieksplisitkan daripada kata perintah dalam bahasa Arab. Dalam kata perintah bahasa Arab, pembuat merupakan kata ganti nama tersembunyi dalam kata kerja perintah tersebut dan tidak akan dizahirkan. Untuk meningkatkan kejelasan dan menyesuaikan penulisan dengan konvensyen pembaca sasaran, penterjemah menambah kata "Tuanku" sebelum kata "tunggulah", lalu menjadi "Tuanku tunggulah". Partikel "lah" ditambah untuk meningkatkan kesantunan dalam ayat perintah. Seterusnya yang ketara ialah penambahan kata "kuda" selepas "Tuanku tunggulah". Jika diperhatikan dengan teliti, tidak ada perkataan yang menunjukkan "kuda" dalam teks asal.

Walau bagaimanapun, sama seperti contoh (5), penterjemah tidak boleh menterjemahkan teks asal hanya setakat “Tuanku tunggulah sekarang” kerana kata “tunggulah” ialah kata kerja transitif yang memerlukan objek untuk menjadi ayat yang lengkap (Tatabahasa Dewan, 2008). Menerusi konteks dan latar teks, penterjemah dapat menyimpulkan bahawa haiwan tunggahan yang digunakan di situ ialah kuda. Lalu kata “kuda” ditambah dalam teks sasaran untuk menjadikan susunan ayat lebih gramatis berdasarkan keperluan tatabahasa Melayu. Sekali lagi kita dapat melihat bahawa faktor lexis-tatabahasa menyebabkan penterjemah mengeksplisitkan makna implisit yang terdapat dalam teks asal.

Dalam ayat yang kedua, klausa “Maka Kai Khusru pun berangkat keluar” telah ditambah oleh penterjemah dalam teks sasaran, meskipun klausa ini hakikatnya tidak terdapat dalam teks sumber. Contoh petikan ini membuktikan ketepatan pendekatan yang dicadangkan oleh Klaudy dan Károly (2005) bahawa pengeksplisitan berlaku apabila penterjemah menambah elemen baharu yang bermakna dalam teks sasaran. Klausa “Maka Kai Khusru pun berangkat keluar” memperjelas urutan peristiwa yang berlaku dalam petikan.

### **Pengeksplisitan Menjelaskan Makna Denotasi Yang Sebenar**

Terdapat data teks sumber yang menggunakan bahasa metafora manakala teks Melayu hanya menggunakan prosa biasa dalam terjemahan yang dihasilkan. Pengeksplisitan juga merupakan strategi yang boleh digunakan penterjemah untuk menjelaskan makna retorik (*Balāghah* Arab) yang boleh menimbulkan kekeliruan. Teks ‘*Rihlah Ibn Battutah*’ merupakan teks Arab klasik yang mempunyai ciri-ciri keindahan penulisan dan retoriknya yang tersendiri. Ciri-ciri tersebut menampilkan cabaran yang tersendiri juga kepada penterjemah berbanding dengan teks lain. Contoh (6) adalah signifikan dalam menjelaskan kenyataan ini.

(6)

P 1: DATA BABM RIB.rtf - 1:11 [“..”] (185:185) (Super)

Codes: [Teks Arab lebih ringkas] Halaman : (PIB) 54 / (RIB) 66

"أنت الخصب وهذه مصر فتدفقا فكلما بحر"

P 1: DATA BABM RIB.rtf - 1:12 [“Kamulah Khasib dan inilah Sun..”] (192:192) (Super)

Codes: [Terdapat penambahan perkataan (Maklumat berlebihan)] Halaman : (PIB) 54 / (RIB) 66/

*“Kamulah Khasib dan inilah Sungai Nil sering melimpah kerana kamu berdua ialah lautan.”*

Konteks: Khasib ialah gabenor negeri Mesir yang disoroti kisah hidupnya oleh Ibn Battutah dalam karyanya. Khasib asalnya seorang hamba yang hina tetapi khalifah Bani `Abbas telah melantiknya menjadi gabenor negeri Mesir. Khasib orang yang amat pemurah. Sesuatu berlaku hingga menyebabkan kemurkaan Khalifah lalu Khalifah menitahkan supaya kedua-dua biji mata Khasib dicungkil dan beliau diusir dari Mesir ke Baghdad. Setelah mata Khasib dicungkil, beliau ditinggalkan di pasar di Baghdad. Pada ketika inilah Khasib disapa oleh seorang penyair yang datang dari Baghdad ke Mesir untuk menziarahi Khasib dan mengucapkan kasidah puji-pujian terhadap dirinya. Lalu Khasib berkata kepadanya apakah gunanya dia mendengar semua pujian itu lagi sedangkan nasibnya kini amat menyedihkan. Penyair itu berkata dia hanya berhasrat mendendangkannya supaya Khasib mendengarnya meskipun dia tidak diberi apa-apa hadiah. Khasib pun lalu meminta penyair itu mengucapkan madahnya. Kasidah tersebut ialah yang berikut:

"أنت الخصيب وهذه مصر فتدققا فكلما بحر"

“Kamulah Khasib dan inilah Sungai Nil sering melimpah kerana kamu berdua ialah lautan.”

Dalam kasidah puji-pujian ini, perkataan مصر (Mesir) boleh mencetuskan kekeliruan. Lafaz مصر di sini merupakan suatu contoh teknik retorik atau *balāghah* dalam bahasa Arab. Bentuk retorik di sini ialah *majāz mursal*. *Majāz mursal* ialah kata yang digunakan bukan pada makna asal, kerana tidak terdapat hubungan *musyābahah* (keserupaan), tetapi *qarīnah* yang ada menghalang pemahaman makna asal. Dalam petikan ini, yang dimaksudkan dengan Mesir dalam kasidah ini bukanlah negeri Mesir tetapi sebaliknya Sungai Nil. Hubungan antara perkataan yang dilafazkan secara eksplisit, iaitu Mesir dengan maksudnya yang sebenar di sini yang berbentuk implisit, iaitu Sungai Nil merupakan hubungan *al-kulliyah*. Hubungan *al-kulliyah* bermaksud apa yang disebut ialah keseluruhan tetapi yang dimaksudkan ialah bahagiannya yang lebih kecil. Dalam konteks contoh ini, yang disebut ialah negeri Mesir, tetapi yang dimaksudkan sebenarnya ialah Sungai Nil.

*Qarīnah* atau *cotext* (teks iringan) yang terdapat dalam ayat ini, iaitu lautan menerusi “sering melimpah kerana kamu berdua ialah lautan” menunjukkan apa yang dimaksudkan di sini bukanlah negeri Mesir (makna asal perkataan) tetapi sebaliknya Sungai Nil. Dalam bahasa dan budaya Arab, Sungai Nil sering dianggap sebagai lautan kerana sifatnya yang pemurah yang memberikan limpahan rezeki kepada penduduk Mesir. Dalam kasidah puji-pujian ini, penyair menyamakan Khasib dengan Sungai Nil kerana kedua-duanya sangat terkenal dengan sifat pemurah.

Contoh (6) ini memperlihatkan konsep penghindaran risiko dalam penterjemahan seperti yang digagaskan oleh Pym (2005). Penterjemah berusaha untuk mengelakkan diri daripada memberikan interpretasi yang salah terhadap makna teks asal. Penterjemah berusaha untuk menghindarkan pembaca daripada risiko salah faham terhadap makna bersifat budaya dalam teks asal. Kebimbangan demikian mendorong penterjemah mengeksplisitkan makna implisit yang terdapat dalam makna denotasi perkataan ‘Mesir’ tersebut. Dengan menterjemahkan Mesir sebagai Sungai Nil, maksud seperti yang dikehendaki oleh ilmu *balāghah* Arab dapat ditepati sekali gus memudahkan pembaca memahami makna rujukan sebenar yang dimaksudkan oleh teks sumber. Perbincangan ini membawa kita kepada pemerhatian yang berikut:

1. Makna metafora *majāz mursal* dalam teks asal adalah dalam bentuk implisit akan tetapi penterjemah telah mengeksplisitkannya untuk menghindarkan kekeliruan makna rujukan dalam teks sasaran dan menyampaikan maksud yang sebenar berdasarkan budaya sumber.
2. Strategi pengeksplisitan dapat membantu penterjemah menyelesaikan masalah penterjemahan makna denotasi yang sukar yang disebabkan oleh faktor retorik (*Balāghah*) Arab itu sendiri di samping menghasilkan teks terjemahan yang lebih komunikatif sifatnya dan dapat memudahkan kefahaman pembaca. Jika strategi pengeksplisitan ini tidak dilaksanakan, terdapat risiko penyampaian maksud yang salah kepada pembaca, kerana dalam contoh petikan ini, Mesir bermakna Sungai Nil dan bukannya negeri Mesir. Ini merupakan sesuatu yang sangat jauh berbeza dan sesuatu yang agak rumit yang boleh menjejaskan mutu terjemahan jika isu makna ini tidak ditangani dengan sewajarnya.

## **Dapatan dan Kesimpulan**

Meskipun sudah hampir 700 tahun sejak buku ‘*Rihlah Ibn Battutah*’ (1357 M.) dihasilkan di Maghribi, namun kita dapat melihat perbincangan dan analisis terhadap karya ini senantiasa hidup dan membuahakan banyak pemahaman yang dapat dikutip berkaitan dengan pendekatan, teknik dan strategi penterjemahan. Semua ini dapat diambil dan dijadikan platform untuk mengupayakan, memerkasakan dan memperkukuh disiplin terjemahan Arab-Melayu di Malaysia.

Kajian tentang bentuk makna implisit dalam konteks penterjemahan di Malaysia masih lagi baharu, apatah lagi peninjauannya dari sudut pengeksplisitan dalam disiplin penterjemahan secara tuntas. Pengeksplisitan bermaksud penterjemah mengeksplisitkan makna implisit yang ditemuinya dalam teks sumber. Makna merupakan domain utama terjemahan dan inti patinya

yang paling utama, justeru meminda makna dan menukarkan bentuknya merupakan sesuatu yang menggusarkan minda penterjemah kerana apa yang dilakukannya, jika tidak didasari alasan dan faktor yang munasabah, boleh menjejaskan teks terjemahan yang dihasilkan, atau memberikan tafsiran dan interpretasi yang salah terhadap makna yang terkandung dalam teks asal.

Justeru, membuat keputusan untuk melakukan sebarang pengeksplicitan dalam penterjemahan bukanlah suatu perkara yang mudah bagi seseorang penterjemah dan inilah inti pati bagi isu dan permasalahan yang dikemukakan dalam kajian ini. Hal ini jualah yang dapat diperhatikan dengan ketara dan jelas dalam perbincangan dapatan dan analisis contoh data yang dikemukakan dalam makalah ini. Setiap data yang dibincangkan dan dikupas mendedahkan alasan dan faktor yang pelbagai bentuk sifatnya yang telah mendorong penterjemah mengeksplicitkan makna yang implisit, khususnya dalam konteks penghasilan buku '*Pengembaraan Ibn Battutah*' dalam versi bahasa Melayu.

Objektif kajian ini menetapkan sasaran untuk meninjau dan membincangkan bentuk makna implisit dalam buku '*Rihlah Ibn Battutah*', kesukaran penterjemahan bentuk makna ini dan strategi yang digunakan oleh penterjemah untuk mengatasi masalah. Ini merupakan objektif yang penting kerana mengenal pasti dan menangani bentuk makna yang implisit dan tersirat dalam teks '*Rihlah Ibn Battutah*' sememangnya sukar dan inilah yang kerap kali menampilkan cabaran kepada penterjemah.

Dapatan yang diperoleh menerusi kajian ini dapat dirumuskan secara keseluruhan seperti yang berikut:

1. Bentuk makna implisit dalam buku '*Rihlah Ibn Battutah*' yang ditemui mencakup kata nama, kata kerja, frasa, klausa dan ayat. Ini bermakna pada tahap ayat, bentuk makna implisit ditemui hampir pada semua tahap. Pengeksplicitan pada tahap kata nama, kata kerja, frasa dan klausa lazimnya menyebabkan penambahan perkataan dan maklumat dalam teks sasaran. Ini menjadikan teks sasaran lebih mudah, lebih jelas dan lebih difahami oleh pembaca. Pengeksplicitan pada tahap ayat pula menyebabkan satu ayat dalam bahasa Arab berubah menjadi dua ayat atau lebih dalam bahasa Melayu.
2. Pengeksplicitan yang diperhatikan pada tahap kata nama, kata kerja, frasa, klausa dan ayat ini bukanlah sesuatu yang dibuat oleh penterjemah dengan niat yang sengaja tanpa didorong oleh alasan dan asas yang kukuh. Pelbagai faktor dan asas yang menjadi pendorong kepada pengeksplicitan dalam penterjemahan buku '*Rihlah Ibn Battutah*'. Antaranya termasuklah faktor prinsip kerjasama dalam

- perbualan untuk menghasilkan komunikasi yang lancar antara penterjemah dengan khalayak pembacanya, juga usaha penterjemah untuk mencipta teks terjemahan yang dapat berinteraksi dengan pembaca sarannya secara lebih eksplisit.
3. Penghindaran risiko dalam penterjemahan pada hari ini sangat berkait dengan konsep pengeksplisitan yang digagaskan oleh Pym pada tahun 2005. Data yang diperlihatkan oleh buku ‘*Rihlah Ibn Battutah*’ menyerlahkan hakikat bahawa terdapat satu lagi parameter yang perlu difokuskan oleh penterjemah, iaitu parameter agama. Parameter agama mempamerkan pengaruh yang sangat kuat dalam penterjemahan teks agama dalam penterjemahan buku ‘*Rihlah Ibn Battutah*’ ini. Bukan sahaja penterjemah perlu menghindarkan risiko pada isu-isu lazim yang berkait dengan budaya, situasi dan norma malah juga agama yang mempunyai hubungan yang akrab dengan kepercayaan dan pemikiran masyarakat Islam di Malaysia.
  4. Pengeksplisitan tidak dilakukan sewenang-wenangnya oleh penterjemah melainkan dengan faktor dan alasan yang kukuh. Dalam sesetengah keadaan, penterjemah terpaksa berbuat demikian untuk memenuhi tuntutan leksis-tatabahasa bahasa sasaran dan juga pilihan komunikasi pembaca sasaran itu sendiri.
  5. Pengeksplisitan berkait rapat dengan mesej dan juga usaha mempertingkatkan daya (*force*) mesej. Analisis terhadap data terjemahan *Rihlah Ibn Battutah* memperlihatkan terjemahan karya ini mengeksplisitkan makna denotasi yang terdapat pada perkataan الكلام yang bukan sekadar membawa maksud perbuatan ‘bercakap’ tetapi perbuatan ‘memburuk-burukkan’ Aibak yang merupakan panglima tentera Sultan Syihabuddin. Strategi ini berhasil dalam mempertingkatkan daya mesej yang ingin disampaikan oleh terjemahan teks sasaran.
  6. Strategi pengeksplisitan oleh Klaudy dan Károly (2005) yang menyatakan bahawa suatu ayat dalam bahasa sumber boleh dibahagikan kepada dua ayat dalam teks sasaran ternyata disokong oleh data yang diperoleh dalam penterjemahan *Rihlah Ibn Battutah*.
  7. Himpunan dialog yang dikaji dalam kajian ini merupakan dialog dalam bahasa Arab. Data yang ada menunjukkan bahawa tidak semua dialog ini merupakan ujaran prosa biasa, malah sebahagiannya mempunyai unsur retorik Arab (*Balāghah*) yang membawa maksud yang implisit, sekali gus mencetuskan cabaran kepada penterjemah. Terdapat perkataan yang amat mudah difahami makna rujukannya dalam bahasa Arab seperti perkataan مصر (Mesir) tetapi kehadiran perkataan ini dalam bentuk *majāz mursal* melalui sebuah kasidah puji-pujian seorang penyair telah mengubah makna rujukan perkataan ini daripada



Mesir kepada Sungai Nil. Sekiranya bentuk makna implisit seperti ini diterjemahkan secara literal dan tidak dieksplisitkan, akan terdapat kesan yang buruk terhadap terjemahan yang dihasilkan.

### **Implikasi Kajian dan Cadangan**

Berdasarkan rumusan dan dapatan yang telah diraih menerusi kajian ini, penulis mengemukakan dua implikasi yang penting. Pertama, implikasi terhadap pengajaran penterjemahan. Kajian ini sewajarnya memberikan impak terhadap modul dan aspek pengajaran terjemahan dalam kalangan peserta yang mengikuti kursus dan bengkel penterjemahan.

Pengeksplisitan merupakan strategi yang meluas sifatnya dan tidak terhad pada tahap perkataan sahaja, malah pada tahap teks dan wacana secara lebih meluas. Strategi pengeksplisitan ini perlu didedahkan kepada pelajar institut pengajian tinggi awam yang mengikuti kursus penterjemahan Arab-Melayu ataupun Inggeris-Melayu. Rancangan pengajaran pensyarah penterjemahan Arab-Melayu perlu lebih dinamik dengan menggabungkan konsep pengeksplisitan ini dalam penterjemahan teks yang mempunyai unsur retorik Arab (*Balāghah*) yang pelbagai. Pelajar perlu diasuh untuk menggunakan pemerhatian dan penelitian yang analitis terhadap teks berunsur retorik Arab dalam latihan dan tugas terjemahan yang dikendalikan. Berlatarkan perkembangan pesat bidang terjemahan di Malaysia dan kewujudan bengkel dan latihan penterjemahan di Institut Terjemahan dan Buku Malaysia (ITBM) dan juga di Persatuan Penterjemah Malaysia (PPM), kajian ini sewajarnya memberikan impak terhadap modul dan aspek pengajaran terjemahan institusi yang menyediakan bengkel dan latihan tersebut.

Kedua, dari segi implikasi terhadap kajian penterjemahan, penggunaan perisian analisis data kualitatif ATLAS.ti yang diterapkan dalam kajian ini telah banyak membantu dalam memudahkan pengkaji membuat pengkodan, pengkategorian dan penganalisan data, penyusunan data, penjanaan data dan pemerolehan semula data. Ini seharusnya merintis jalan ke arah penggunaan perisian yang inovatif dan bernilai tambah oleh pengkaji terjemahan Arab-Melayu dalam penganalisan data tekstual masing-masing pada masa hadapan. Selain itu, kajian pengeksplisitan teks '*Rihlah Ibn Battutah*' ini perlu diperluas untuk merangkumi terjemahannya dalam bahasa lain, khususnya bahasa Inggeris.

Secara keseluruhan, analisis bentuk makna implisit dalam penterjemahan buku '*Rihlah Ibn Battutah*' telah menjana dapatan yang membuktikan kewujudan fenomena makna implisit

diterjemahkan menjadi makna eksplisit dalam penterjemahan Arab-Melayu, khususnya dalam teks genre sastera kembara ‘*Rihlah Ibn Battutah*’ yang dikaji ini. Pemahaman dan pengetahuan (*insights*) yang diperoleh hasil daripada peninjauan dan perbincangan ini telah menyerlahkan bentuk makna implisit dalam buku ‘*Rihlah Ibn Battutah*’ selain menampilkan faktor berkaitan lain yang mengiringi faktor budaya sebagai faktor asas yang mempengaruhi strategi dan proses pengeksplisitan dalam penterjemahan. Hakikatnya, pelaksanaan strategi pengeksplisitan yang berlandaskan alasan dan faktor yang munasabah bukan sahaja mampu mengelakkan kesilapan dalam terjemahan yang dihasilkan, malah berupaya untuk mempertingkatkan kualiti dan standard penterjemahan Arab-Melayu ke tahap yang lebih membanggakan pada masa hadapan.

## **Rujukan**

- Abdel-Hafiz, A.-S. (2003). Pragmatic and linguistic problems in the translation of Naguib Mahfouz's. *The thief and the dogs: A case study*, Babel 49:3.229-252.
- Abdul-Raof Hussein. (2001). *Qur'an translation: discourse, texture and exegesis*. Curzon: Surrey.
- Al-Masri H. (2008). Linguistic losses in the translation of Arabic literary texts. *Perspectives on Arabic Linguistics XXI*, 173-204.
- Al-Zughoul, B. (2014). Implicit referential meaning with reference to English Arabic translation. *English Language Teaching*, 7(No. 7), 168-174.
- Aminuddin. (1985). *Semantik: Pengantar studi tentang makna*. Bandung: Sinar Baru.
- Ashraf, A. (2010). *A corpus-based study of conjunctive explicitation in Arabic translated texts writtten by the same translators/ authors*. Manchester: University of Manchester.
- Becher, V. (2011). *Explicitation and implicitation in translation*. Hamburg: University Hamburg.
- Blum-Kulka, S. (1986). Shifts of cohesion and coherence in translations. In Juliane House & Shoshana Blum-kulka (eds). *Interlingual and intercultural communication*, 17-35.
- Elam M, A. (2002). *Analisis makna implisit pada novel Harry Potter and the prisoner of azkaban karya J.K Rowling dan terjemahannya*, Tesis Ijazah Sarjana Jurusan Sastera Ingggris Fakultas Sastra Universitas Padjadjaran. Bandung: Universitas Padjadjaran.
- Flick, U. (2009). *An introduction to qualitative research* (Fourth edition ed.). London: Sage Publications.
- Gabriela Saldanha. (2008). Explicitation revisited: Bringing the reader into the picture. *Transkom*, 20-35.
- Hatim, B., & Munday, J. (2004). *Translation: An advanced resource book*. London and New York: Routledge.

- Ibn Battutah. (2004). *Pengembaraan Ibn Battutah: pengembara agung, karya terulung, menyingkap wajah dunia. (terj. daripada Rihlah Ibn Battutah)*. (Ismail Haji Ibrahim, Wan Roslili Abd. Majid, Eds., Syed Nurul Akla Syed Abdullah, & Adi Setia Mohd Dom, Trans.) Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia.
- Idris, M. (2011). *Procedures and strategies in the translation into Malay of cultural elements of Rihlat Ibn Battuta, submitted in accordance with the requirements for the degree of Doctor of Philosophy*. Leeds: The University of Leeds.
- Joan F. Marques & Chester McCall. (3 September 2005). The application of interrater reliability as a solidification instrument in a phenomenological study. *The Qualitative Report Volume 10 Number*, 439-462.
- Klaudy Kinga & Krisztina Karoly. (2005). Implication in translation: Empirical evidence for operational asymmetry in translation. *Across Languages and Cultures* 6(1), 13-28.
- Larson, M. L. (1984). *Meaning-based translation : a guide to cross- language equivalence*. New York: University Press of Amerika.
- Leech, G. (1983). *Principle of pragmatics*. Harlow: Longman.
- Mareva, A. (2009). *Why students' translations tend to be longer than professional translations?* Sofia: New Bulgarian University.
- Munday, J. (2009). *The Routledge Companion to translation Studies*. New york : Routledge.
- Nida, E.A. (1964). *Toward a science of translating with special reference to principles and procedures involved in Bible translating*. Leiden: Brill.
- Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Haji Musa & Abdul Hamid Mahmood. (2008). *Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Pym, A. (2005). *Explaining explicitation in Krisztina Karoly & Agota Foris (eds). New trends in translation studies. In honour of Kinga Klaudy*. Budapest: Akademiai Kiado.
- Roswita Silalahi. (2009). *Dampak teknik,metode dan ideologi penerjemahan pada kualitas terjemahan teks medical-surgical nursing dalam bahasa Indonesia*. Disertasi PhD. Medan Sumatera Utara: Universitas Sumatera Utara.
- S'eguilot, C. (1988). Pragmatics and the explicitation hypothesis. *TTR: Tranduction, Terminologie, Redaction*, 1(2),106-113.
- Saldana, J. (2009). *The Coding Manual for Qualitative Researchers*. London: Sage Publications Ltd.
- Silalahi, R. (2009). *Dampak teknik,metode dan ideologi penerjemahan pada kualitas terjemahan teks medical-surgical nursing dalam bahasa Indonesia*. Disertasi PhD. Medan Sumatera Utara: Universitas Sumatera Utara.
- Silverman, D. (2010). *Doing Qualitative Research*. Clive Seal: Sage Publications Ltd.
- Susam- Sarajeva, S. (2009). The case study research method in translation studies'. Ian Mason ed. Training for Doctoral Research, special issue of. *The Interpreter and*

*Translator Trainer (ITT)*, 37-56 .

Talal Harb. (2002). *Rihlah Ibn Battutah al-Musammah Tuhfah al-Nuzzar fi Ghara'ib al-Amsar wa `Aja'ib al-Asfar*. Beirut: Dar al-Kutub al-`Ilmiyyah.

Waleed, O. (2006). Explication techniques in Arabic-English Translation. *Al-Basaer*, Volume 10 No 2.

Yule, G. (1996). *Pragmatics*. Oxford. Oxford University Press.